



Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
(*Malaysia Coast Guard*)
Jabatan Perdana Menteri
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16
Bandar Sultan Sulaiman
42005 PELABUHAN KLANG
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100
Fax : 03-31765100

No. Rujukan : APMM.DM4.100-2/1/1(12)
Bertarikh : 19 Ogos 2018

SIARAN MEDIA

HAJAT PULANG BERAYA TIDAK KESAMPAIAN

PELABUHAN KLANG, 19 Ogos – Sekumpulan warganegara Indonesia ditahan oleh Maritim Malaysia Selangor dalam satu pemeriksaan ke atas feri penumpang yang sedang menuju ke Pulau Ketam dari Pelabuhan Klang pada jam lebih kurang 11.50 pagi hari ini dalam jarak 0.6 batu nautika Tanjung Harapan.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Mohammad Rosli bin Kassim berkata, pemeriksaan lanjut ke atas penumpang feri berkenaan mendapati 4 orang lelaki dan seorang perempuan warganegara Indonesia berumur di antara 21 hingga 42 tahun tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah serta pasport yang sudah tamat tempoh.

“Mereka dipercayai cuba merancang untuk pulang ke Tanjung Balai dan Bandung, Indonesia bagi menyambut Hari Raya Aidiladha dari Pulau Ketam namun ditahan dan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk siasatan lanjut di bawah Akta Imigresen 1959/63,” ujar beliau lagi.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pusat Operasi Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor : 03-31769100 / 03-31760634
LK II Maritim Aisyah bt Mohamad Noor : 013-4796754